

# KURSUS MS ISO 9001:2008

## INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Pada 29 November hingga 2 Disember 2010, SIRIM Berhad telah menganjurkan dua kursus berturutan iaitu Kursus Pemahaman dan Pelaksanaan MS ISO 9001: 2008 Institusi Pengajian dan Kursus Audit Dalaman MS ISO 9001: 2008 Pengajian Tinggi bertempat di Hotel Traders, Pulau Pinang. Secara amnya, kedua-dua kursus bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan tentang keperluan-keperluan dalam sistem pengurusan yang berkualiti serta memenuhi piawai seperti yang tertera dalam MS ISO 9001: 2008. Selain daripada itu, ia juga bertujuan meningkatkan pemahaman skop dan kandungan sistem pengurusan berkualiti dan kegunaannya di dalam melaksanakan audit dalaman. Kursus ini telah disertai seramai 24 orang dari pelbagai

jabatan di IPT termasuklah 6 orang wakil dari Universiti Malaysia Sabah. Penceramah bertauliah dari SIRIM Berhad iaitu Pn. Sa'adiah Enok, seorang Ketua Perunding SIRIM telah memberi bimbingan dan panduan yang menyeluruh mengenai MS ISO 9001: 2008 sepanjang 4 hari kursus dijalankan.

Artikel oleh: Siti Aishah Mohd Ali & Tan Wei Hsiang

